

Manifesto

BERSAMA BN HEBATKAN NEGARAKU

PERUMAHAN KEPERLUAN RAKYAT



Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia memberi peluang pesara dan anak kakitangan memiliki kediaman.



KEDIAMAN NEGARAKU

- Menamatkan dasar diskaun lot Bumiputera untuk hartanah bernilai RM1 juta ke atas.
- Menubuhkan tribunal penyelesaian konflik untuk atasi pertikaian isu perumahan awam.
- Mewajibkan Indeks Prestasi Utama (KPI) ke atas pembinaan Rumah Mampu Milik oleh syarikat pemaju perumahan yang mendapat pelaburan kerajaan.
- Membantu pembeli 50,000 unit rumah yang menjadi mangsa pemaju perumahan tidak berlesen.
- Membina semula perumahan rakyat dan perumahan kos rendah berusia lebih 20 tahun menerusi teknologi hijau serta konsep-modern.
- Meningkatkan kapasiti Program Bantuan Rumah bagi membaiki rumah daif di luar bandar.
- Menyediakan dana khas untuk Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Jawatankuasa Pengurusan Bersama (JMC) untuk penyelenggaraan bangunan berstrata.
- Membina lebih banyak projek perumahan mampu milik dan kos rendah di tanah rizab Melayu, wakaf dan baitulmal yang terbiar.
- Menaik taraf rumah panjang di Sarawak, rumah air di Sabah, rumah Orang Asli dan rumah pekerja estet di Semenanjung.
- Melanjutkan tempoh pengecualian duti setem untuk projek perumahan terbelakangan yang sedang berada dalam proses pemulihan.

Bank khusus pinjaman rumah mampu milik, kos rendah



Sebahagian pembeli melihat replika rumah contoh Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan.

➔ BN pastikan sistem pemilikan kediaman lebih terangkum

Penubuhan bank khusus untuk memudahkan proses pinjaman perumahan mampu milik dan kos rendah dengan harga RM300,000 ke bawah adalah antara inti pati manifesto Barisan Nasional (BN) untuk lima tahun mendatang.

Menerusi teras ketiga, iaitu keperluan perumahan rakyat, BN sebagai tunjang kerajaan turut menggariskan 21 janji yang akan dilaksanakan bagi memastikan ekosistem pemilikan rumah lebih terangkum.

Antaranya merangkumi usaha mewujudkan entiti tunggal untuk menyelaraskan keseluruhan inisiatif perumahan mampu milik, termasuk memantau proses pembinaan, sekali gus menutup kelompangan dalam sistem sedia ada.

Usaha berkenaan bakal diperkukuhkan menerusi penubuhan Perbadanan Pengurusan Perumahan Awam Negara (3PAN) yang bertujuan mengawal selia, mengurus isu perumahan awam mencakupi kualiti perumahan, keperluan semasa dan penentuan kelayakan menduduki.

Pemberian insentif cukai

Selain itu, beberapa inisiatif menyentuh sektor perbankan, syarikat utiliti dan proses perolehan kediaman dimasukkan seperti pemberian insentif cukai atau dana pembangunan bagi menggalakkan bank dan pemaju per-

mahan menawarkan skim sewa-untuk-beli.

Kajian semula struktur caj utiliti yang dikenakan Telekom, Indah Water dan Tenaga Nasional Berhad (TNB) terhadap pemaju perumahan dilaksanakan dalam mengurangkan kos pembinaan kediaman.

Selaraskan usaha untuk merungkai masalah berbangkit, had tuntutan menerusi kuasa Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata (TPPS) ditingkatkan daripada RM50,000 kepada RM100,000.

Kuasa kerajaan akan turut diperluaskan untuk menghidupkan semula projek perumahan terbelakangan daripada had asal RM70,000 kepada RM120,000. Ia membabitkan 21 projek terbelakangan dan 2,794 unit dengan peruntukan RM123 juta.

Penjawat kerajaan yang baktinya sentiasa dikenang tidak disisihkan apabila pelbagai tawaran disaji-

kan, termasuk penyediaan skim bantuan sewa perumahan awam bagi membantu penyewa dalam kategori miskin dan orang kurang upaya (OKU).

Peluang beli unit PPA1M

Peluang akan dibuka kepada pesara kerajaan dan anak mereka untuk membeli unit Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) yang berharga antara RM150,000 hingga RM300,000, selain mewujudkan kuota RM10,000 unit PPA1M bagi anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Menyedari denyut nadi belia yang baru menamatkan pengajian dan melangkah ke alam pekerjaan, BN menyulam tekad untuk menambah jumlah Rumah Transit Belia 1Malaysia bagi memastikan fasa pertama dalam membentuk asas kehidupan mereka lebih terjamin.